



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 24 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAHA 2022 PLATFORM PAMER TEKNOLOGI TERKINI BIDANG PERTANIAN, MAKANAN NEGARA, ASTRO AWANI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAHA 2022 PLATFORM PAMER TEKNOLOGI TERKINI PERTANIAN, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE	
3.	250 PARTICIPANTS IN MALACCA SET NEW MALAYSIA BOOK OF RECORDS BY COOKING ASAM PEDAS SOUP, CHINA PRESS (MELAKA) -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/7/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini bidang pertanian, makanan negara



MAHA 2022 pada Ogos ini bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara.

JOHOR BAHRU: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini yang akan diadakan secara hibrid bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata program pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Selangor itu juga bakal menampilkan 22 segmen meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantai nilai agromakanan.

"MAHA 2022 akan mempamerkan beberapa tarikan baharu iaitu teknologi dan segmen menarik termasuk pertanian, perikanan, ternakan, florikultur, agrotourism, berasaskan tani dan agrokulineri supaya dapat menarik lebih ramai golongan muda.

"Kita telah membuat pelbagai persediaan dengan menjangkakan seramai 100,000 pengunjung sehari akan datang ke program yang akan diadakan selama 11 hari itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Road To MAHA 2022 Zon Selatan, di sini, pada Sabtu.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip dan Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Datuk Sahrudin Jamal.

Ahmad berkata antara teknologi yang bakal dipamerkan pada MAHA 2022 dengan bertemakan 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan' itu termasuk 'foodscaping' melibatkan gabungan tanaman boleh dimakan dan herba.

"Walaupun jumlah pengunjung yang disasarkan dalam MAHA 2022 ini kurang berbanding MAHA 2018, iaitu seramai 1.1 juta pengunjung berbanding 3.3 juta pengunjung, namun sasaran jualan adalah lebih tinggi iaitu RM250 juta berbanding RM215 juta," katanya.

Beliau berkata terdapat 13 pavilion yang akan menampilkan ciri-ciri keunikan negeri-negeri di Malaysia dan sekurang-kurangnya 1,500 ruang pameran serta jualan akan disediakan pada MAHA 2022 itu.

Sementara itu, Sahrudin dalam ucapannya berkata Road To MAHA 2022 Zon Selatan bermula semalam hingga esok, menyediakan 14 reruai usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Setiap produk jualan merupakan hasil pengusahaan para peladang sendiri. Semoga program ini dapat mengukuhkan pasaran domestik, sekali gus memperkasakan pengeluar dan usahawan agromakanan mikro, kecil dan sederhana yang mendominasi industri untuk terus berdaya saing," katanya.

-- BERNAMA



24 JUL, 2022

MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini pertanian

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini pertanian

JOHOR BAHRU: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini yang akan diadakan secara hibrid bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata program pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Selangor itu turut bakal menampilkan 22 segmen meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantaian nilai agromakanan.

"MAHA 2022 akan mempamerkan beberapa terikan baharu iaitu teknologi dan segmen menarik termasuk pertanian, perikanan, ternakan, florikultur, *agrotourism*, berkesan tani dan agrokuliner supaya dapat menarik lebih ramai golongan muda.

"Kita telah membuat pelbagai persediaan dengan menjangkakan seramai 100,000 pengunjung sehan akan datang ke program yang akan diadakan selama 11 hari itu," katanya pada sidang media selepas merasmikan program Road To MAHA 2022 Zon

Selatan di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri Datuk Zahari Sarip dan Pengerusi Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Datuk Dr. Sahrudin Jamal.

Ahmad berkata antara teknologi yang bakal dipamerkan pada

MAHA 2022 dengan bertemakan 'Sekuti Makanan Untuk Masa Depan' itu termasuk 'foodscaping' melibatkan gabungan tanaman boleh dimakan dan herba.

"Walaupun jumlah pengunjung yang disasarkan dalam MAHA 2022 ini kurang berbanding MAHA 2018, iaitu seramai 1.1 juta pengunjung berbanding 3.3

juta pengunjung, namun sasaran jualan adalah lebih tinggi iaitu RM250 juta berbanding RM215 juta," katanya.

Beliau berkata terdapat 13 pavilion yang akan menampilkan ciri-ciri keunikan negeri-negeri di Malaysia dan sekarang-kurangnya 1,500 ruang pameran serta jualan akan disediakan pada

MAHA 2022 itu.

Sementara itu, Dr. Sahrudin dalam ucapannya berkata Road To MAHA 2022 Zon Selatan bermula semalam hingga esok, menyediakan 14 ruang usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) termasuk Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Setiap produk jualan merupakan hasil pengusahaan para peladang sendiri. Semoga program ini dapat mengukuhkan pasaran domestik, sekali gus memperkasakan pengeluaran dan usahawan agromakanan mikro, kecil dan sederhana yang mendominasi industri untuk terus berdaya saing," katanya.-Bernama



TIMBALAN Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kiri) melihat kain rentang Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 yang akan diadakan di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada 4 hingga 14 Ogos depan pada Program Road To Maha 2022, Zon Selatan di Plaza Angsana Johor Bahru, semalam



24 JUL, 2022

MAHA 2022 platform pameran teknologi terkini pertanian

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

JOHOR BAHRU: Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini yang akan diadakan secara hibrid bakal menjadi platform untuk mempamerkan perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan makanan negara. Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata program pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia - (MAEPS), Selangor itu turut bakal menampilkan 22 segmen meliputi seluruh ekosistem berkaitan rantai nilai agromakanan.



24 JUL, 2022

250 participants in Malacca set new Malaysia book of records by cooking Asam Pedas soup

China Press (Melaka), Malaysia



也是编号001的阿克拉克丁(左)身体力行为活动献力。



其中两位厨师在短短20分钟内完成烹饪酸辣汤。



来自州内外250名参赛者汇聚马六甲王朝博物院，响应250人同时烹煮酸辣汤活动。



来自各州廚師顯身手

250人煮酸辣湯破紀錄

年仅12岁，也是现场年纪最小的参与者(右)，在父亲指导下烹煮酸辣汤。

【马六甲23日讯】马六甲在2019年，凭着135人烹饪“酸辣汤”(asam pedas) 获颁大马纪录大全后，今日在甲州博物院机构推动下再创高峰，逾250名男女老少同时烹煮酸辣汤。

最小的“小厨师”年仅12岁，他也是参与父亲指导下烹煮酸辣汤。来自法国的马六甲留学生到嘉新园区观光时巧遇活动，好奇之余便主动加入帮忙，一起煮酸辣汤。

最小“厨师”仅12岁

阿克拉克丁身体力行参与活动，成为编号01参赛者。他接受媒体访问时说，该机构搭建“甲州传统美食嘉年华”挑战200人同时烹煮酸辣汤，旨在打破2019年创下的纪录，为马六甲让更多人在酸辣汤的纪录。

他说，有别以往，此次活动一律采用相同的食谱，即阿打甘、酸辣汤酱及蔬菜，参与者凭个人厨艺，营造美食者各具特色。

他感谢大马高士发展局 (MUDA) 餐料及马联邦农业局 (MARA) 赞助及支持活动。



三人一起体验烹煮酸辣汤，来自法国的马六甲留学生，与本地人一起体验烹煮酸辣汤。



拉基丁及黄廷运等甲州博物院机构举办「250人同时烹煮酸辣汤」活动，以申请列入大马纪录大全。左为拉基丁阿克拉克丁。



妇女参与者们全神贯注烹煮酸辣汤。



24 JUL, 2022

250 participants in Malacca set new Malaysia book of records by cooking Asam Pedas soup

China Press (Melaka), Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

JL其中两位厨师在短短20分钟内完成烹饪也是编号001的阿克拉慕丁(左)身体力行活动献@胃胃。来自各州厨师显身手250人煮酸《湯@年仅12岁,也是现场年纪最小的参与者(右),在父亲指导下烹饪酸辣汤。I活拉慕丁及黄程运等。动,以申请列入大马纪录大全。左2起为阿克甲州博物院机构举办「250人同时烹煮酸辣汤」(马六甲23日讯)继马六甲在2019年,凭著135人烹饪“酸辣汤”(a